

# JPS diarah siasat pencemaran di air terjun Kampung Perlis

PULAU PINANG 8 Feb. - Ketua Menteri Pulau Pinang, Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon mengarahkan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) negeri supaya menyiasat dakwaan mengenai pencemaran di kawasan air terjun Kampung Perlis, Bayan Lepas dan mengambil tindakan yang sewajarnya.

Beliau berkata, jabatan itu juga diminta supaya menyediakan pelan pemuliharaan kawasan air terjun berkenaan serta anggaran perbelanjaannya sekali bagi membolehkan kerja itu dijalankan dalam masa terdekat.

Sebenarnya, kawasan itu telahpun dibersihkan kira-kira setahun lalu dan kerja tersebut diserahkan kepada Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) berkenaan.

"JKKK itu telah pun diberi peruntukan sebanyak RM70,000 untuk membaikpulih keadaan di sekitar air terjun itu tetapi tidak lama kemudian kawasan itu kembali tercemar," katanya kepada pemberita selepas menghadiri sambutan Pesta Tahun baru Cina anjuran Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Sains Malaysia (USM), di sini.

## Tindakan

Menurutnya, cerita mengenai pencemaran kawasan itu pernah disuarakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi tidak lama dahulu dan tindakan membersihkannya telahpun diambil.

"Memang kami telah baikpulih (kawasan itu) tetapi ia tercemar semula.

Kami akan terus pantau apa yang perlu dibuat untuk kerja pemulihan kawasan berkenaan," katanya.

Beliau turut berterima kasih kepada media yang selalu mendedahkan masalah alam sekitar di negeri ini, yang kadangkala tidak disedari oleh jabatan berkenaan.

Koh berkata demikian ketika diminta mengulas laporan mengenai pencemaran air terjun itu yang didakwa berpunca daripada sebuah kilang memproses simen yang terletak berhampiran air terjun itu.

Menurut laporan itu, penduduk kampung berkenaan yang dikenali sebagai Md Hassan Ishak dipetik sebagai berkata, kilang itu menyedut air di situ untuk mencuci peralatan dan lorinya sebelum melepaskan semula air yang dipenuhi keladak simen ke aliran air terjun itu.

Air terjun itu pernah menjadi tempat mandi-manda orang ramai termasuk Perdana Menteri sendiri ketika di zaman kanak-kanaknya.

Mengenai pencemaran di Sungai Pinang, Koh berkata, kerja pembersihan sungai itu telah mencapai tahap kira-kira 40 peratus setakat ini.

## Penempatan

Namun, katanya, kerja berkenaan, yang dijalankan secara berperingkat itu, dijangka mengambil masa yang lama berikutan beberapa masalah yang perlu diselesaikan, antaranya, penempatan semula penduduk di tebing sungai itu, masalah setingan, banjir dan kos yang tinggi.

Koh berkata, rundingan sedang dijalankan untuk penempatan semula penduduk dan setingan terbabit dan proses pembersihan Sungai Pinang melalui dua peringkat iaitu pembinaan tambakan banjir dan juga pembersihan.

Katanya, tiada gunanya pembersihan didahulukan tanpa mengambil kira soal tambakan banjir kerana apabila banjir berlaku, kotoran itu akan masuk semula ke sungai berkenaan.

Setakat ini, kos membersihkan pencemaran sungai itu melibatkan ratusan juta ringgit dan kerajaan negeri merayu kepada kerajaan persekutuan supaya meluluskan peruntukan tambahan bagi kerja itu, katanya.

"Sikap masyarakat yang gemar membuang sampah di dalam sungai juga perlu diubah supaya bila sungai itu telah dibersihkan kelak, mereka tidak sanggup membuang sampah di situ lagi," katanya.

- Bernama